



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

23 Syawal 1441 / 15 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Isnin, 23 Syawal 1441H bersamaan 15 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, tidak ada kes baru jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang manakala jumlah kes yang telah sembuh ialah seramai 138 orang.
2. Pada masa ini, hanya seorang pesakit masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Beliau masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan. Marilah kita sama-sama mendoakan semoga Allah Subhanahu Wa Ta' Ala memberikan

kesihatan yang sepenuhnya kepada beliau. Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamin.

3. Sementara itu, pada masa ini, seramai 53 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai 2,770 orang telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 245 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 25,078 ujian. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan juga ingin mengongsikan statistik pemantauan surveilan yang telah dijalankan pada minggu ke lima *de-escalation* iaitu daripada 08 hingga 14 Jun 2020 seperti berikut:
 - a. Saringan perkerja warga asing sebanyak 521 sampel;
 - b. Saringan komuniti (*community surveillance*) sebanyak 616 sampel; dan

- c. Saringan tambahan (*expanded surveillance*) seperti petugas-petugas *frontliner* dan petugas-petugas di pusat penjagaan kanak-kanak, *preschools* dan pusat penjagaan warga emas iaitu sebanyak 998 sampel.
- d. Sejak 01 Jun hingga 14 Jun 2020, sebanyak 2,168 sampel telah dibuat bagi saringan tambahan (*expanded surveillance*) yang mana kira-kira 80% daripanya adalah kakitangan pusat-pusat penjagaan kanak (*preschool and childcare centre staff*).
- e. Kesemua keputusan ujian saringan yang telah dijalankan dari minggu pertama hingga minggu kelima adalah negatif setakat ini.

5. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan bahawa bermula pada hari ini hingga hari Sabtu 20 Jun 2020, satu kajian serologi akan diadakan di masjid-masjid yang terpilih. Kajian ini adalah lanjutan daripada kajian yang diadakan sebelum ini dipusat-pusat kesihatan yang mana tujuannya adalah untuk memperluaskan surveilans di peringkat komuniti di samping membantu Kementerian ini menganggarkan kadar kekebalan penduduk atau *population immunity* bagi sesuatu jangkitan.

6. Berikutan makluman mengenai *BruHealth App*, Alhamdulillah setakat ini seramai 381,751 ahli telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. Bagi syarikat dan premis pula sejumlah 8,587 telah mendaftar kepada aplikasi BruHealth. Manakala, sebanyak 4,516 premis perniagaan telah memuat turun aplikasi premiseScan. Sehubungan dengan aplikasi premiseScan ini, semua premis-premis adalah dinasihatkan untuk memuat turun aplikasi tersebut bagi memudahkan pengimbasan kod QR terutama sekali kepada orang ramai yang tidak mempunyai telefon bimbit untuk masuk ke premis berkenaan.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 23 Syawal 1441H / 15 Jun 2020